

Pencapaian kita basmi kemiskinan lebih baik dari negara maju

KUALA LUMPUR 2 Sept. — Pencapaian Malaysia dalam membasmi kemiskinan di kalangan rakyat adalah lebih baik daripada kebanyakan negara maju, kata Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad.

Menurut beliau, dalam usaha untuk menghapuskan kemiskinan, kerajaan telah berjaya mengurangkan kemiskinan mutlak (*absolute poverty*).

Bagaimanapun, beliau berpendapat, dalam apa sahaja usaha, "untuk mengurangkan lagi benda yang sedikit" termasuk membasmi kemiskinan ke tahap paling rendah, adalah sukar.

"Bila ia sudah tinggal sedikit, untuk mengurangkan yang sedikit ini *ratanya* tidak begitu cepat kerana sebab kemiskinan itu menjadi lebih susah untuk diatasi," katanya.

Dato' Sri Dr. Mahathir menyatakan demikian semasa menjawab pertanyaan ahli-ahli panel dalam rancangan *Bersama Perdana Menteri* yang disiarkan menerusi RTM malam ini.

Perdana Menteri memberikan contoh, kalau kemiskinan disebabkan oleh pelajaran, kerajaan boleh membantu dengan memberikan pelajaran.

"Dia mendapat *social mobility* untuk mendapat pendapatan yang tertinggi. Tetapi bila kita sudah habis orang yang boleh menyerap pelajaran, kita cuma tinggal orang yang tidak mampu menyerap pelajaran, kita cuma tinggal orang yang tidak mungkin menyerap pelajaran kerana dia tua atau keadaan tertentu," katanya.

Sehubungan itu, beliau berkata, kerajaan kini sedang memikirkan pelbagai cara bagaimana hendak mengurangkan kemiskinan - kemiskinan sebegitu.

Antara cara tersebut, kata Perdana Menteri, ialah dengan memberikan latihan kemahiran, misalnya, dalam bi-

dang kraf.

"Kalau diusahakan bidang kraf ini boleh membawa kekayaan," katanya.

Dalam pada itu, kata Dato' Sri Dr. Mahathir, akan ada golongan yang masih tidak mahu berbuat apa-apa termasuk menukar cara hidupnya dan golongan tersebut akan kekal dalam kemiskinan.

"Jadi apabila kita sudah mengalih dan mengeluarkan mereka yang mudah ditolong, kita akan tertinggal dengan orang yang kurang mudah ditolong sehingga kita sampai ke satu tahap yang mana kita tidak berupaya untuk menolongnya," jelas beliau.

Menurut beliau, dalam negara yang maju sekalipun, kemiskinan mutlak ini masih ada.

Ditanya apakah perlu satu dasar kebajikan (*welfare oriented*) khususnya ke arah membantu golongan miskin termasuk orang tua dan cacat, beliau berkata, kerajaan sememangnya memberikan bantuan kepada golongan tersebut.

"Umpamanya, kita biasa membina rumah dan memberi rumah secara percuma kepada golongan yang termiskin di kampung - kampung.

Ada peruntukan kerajaan untuk maksud ini walaupun ia menimbulkan banyak masalah, apabila kita beri pertolongan semua mengatakan mereka miskin dan hendakkan bantuan," jelasnya.

Perdana Menteri berkata, malah kerajaan memberi elaun tetapi apa yang tidak ingin dilihat ialah runtuhnya sistem kekeluargaan.

"Kita tidak ingin lihat runtuhnya sistem keluarga *extended family* yang mana menjadi tanggungjawab keluarga untuk menjaga anggota keluarganya yang miskin dan daif," katanya.